

***Agenda
Ekonomi
Malaysia:
Memikirkan Sesuatu
Yang Baru***

**oleh
Anwar Ibrahim**

Di saat Malaysia menyambut 50 tahun kewujudannya sebagai sebuah negara merdeka kita perlu berdepan dengan persoalan yang paling getir. Mengapakah pada tahun yang penuh dengan acara sambutan gemilang Malaysia sebenarnya telah menjadi sebuah negara Asia kelas ketiga? Beranikah kita berdepan dengan hakikat tersebut? Kita terlalu diajak supaya asyik berpesta, terutama di kalangan generasi muda. Wacana bebas dihalaang dan media dikongkong oleh golongan kaya yang menjaga kepentingan kelompok kecil penguasa. Malah iklim dan persekitaran bebas yang seharusnya tercerna dari ikrar keramat kemerdekaan diganti dengan puluhan undang-undang yang mengikat rakyat, mahasiswa dan pekerja, meneruskan strategi ampuh penjajah membendung kebebasan dan kegiatan rakyat.

Juateru itu, sempena ulangtahun hari keramat negara merdeka kita sewajarnya merenungkan dengan akal fikiran terbuka sejajar dengan semangat bangsa merdeka dan bermaruah. Kerana sesungguhnya inilah juga menjadi inisiatif perisytiharan kemerdekaan 31 Ogos 1957 dan paksi gagasan negara Malaysia 1963 - mencipta negara liberal dan demokratik; menjunjung perlembagaan dan keluhuran undang-undang; menjamin keadilan untuk rakyat

Ketika ini pendapatan per kapita rakyat Malaysia ialah AS\$6,244 (RM21,5000) setahun. Pada waktu ini juga pendapatan per kapita rakyat Singapura adalah AS\$30,810 (RM106,000), lima kali ganda dari pendapatan rakyat Malaysia. Pada akhir tahun 1970an pendapatan rakyat kedua-dua negara adalah lebih kurang sama. Mengapakah jurang tersebut begitu lebar? Ada yang akan menjawab hambar bahawa kita tidak boleh membandingkan Malaysia dengan Singapura, republik tersebut hanya sebuah pulau kecil yang penduduknya hanya 4 juta.


Jika begitu, mari kita bandingkan pendapatan rakyat Malaysia hari ini dengan pendapatan rakyat Korea Selatan dan Taiwan. Penduduk Korea Selatan sekarang adalah 48 juta dan Taiwan pula adalah 23 juta. Pada tahun 1970an rakyat kedua-dua negara adalah lebih miskin dari rakyat Malaysia. Tetapi pada hari ini pendapatan per kapita rakyat Korea Selatan adalah AS\$19,200 (RM66,000) dan Taiwan pula adalah AS\$15,271 (RM52,700), iaitu dua hingga tiga kali ganda lebih tinggi dari pendapatan per kapita rakyat Malaysia. Ini berbeza dengan kecenderungan pemimpin negara

membandingkan kehebatan negara dengan negara paling daif di Afrika atau negara-negara yang terus dilanda keganasan atau peperangan.

Kita perhatikan sahaja wacana segar dalam pilihan raya di negara-negara demokratik lainnya. Pilihan raya Presiden Perancis bermula dengan satu persoalan: mengapakah United Kingdom 15% lebih kaya dari Perancis? Presiden Perancis itu sudah bimbang dengan rakyatnya 15% lebih miskin berbanding dengan pendapatan rakyat Britain, dan Perancis adalah sebuah negara maju. Pilihan raya bebas Turki bulan Julai lalu membahaskan antara lain keupayaan ekonomi Turki melonjak tinggi untuk mampu bersaing dengan ekonomi Eropah. Di negara tetangga Indonesia, perbincangan hangat berlaku mengenai kebijakan ekonomi sama ada selaras dengan konsep pengurusan kerajaan telus dan bersih dan berkepedulian terhadap permasalahan rakyat.

Tetapi pimpinan kerajaan Umno-Bn seolah-olah mangli, tidak terkesan dengan angka dan data terang, dibuai oleh jentera propaganda sendiri serta terpu-kau dengan pujian bala tentera upahan. Apakah mungkin di-engkari kenyataan bahawa rakyat Singapura adalah 500%

lebih kaya dari rakyat Malaysia, dan rakyat Korea Selatan dan Taiwan adalah 300% lebih kaya dari rakyat Malaysia? Apakah tidak mengaibkan kita dari negara yang mencatat keuntungan hasil minyak melimpah sebanyak 70 bilion ringgit setahun, tewas teruk dengan negara-negara yang ketandusan sumber asli? Malah lebih parah lagi manakala diselidiki kesan kapada rakyat terbanyak, dari segi kenaikan harga minyak, kos barang yang meningkat, mutu pendidikan dan kesihatan yang kurang memuas-



kan, masalah perumahan rakyat, jurang kaya miskin yang kian melebar, serta keperluan hidup masyarakat miskin bandar, desa di Semenanjung dan kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak.

Inilah kenyataan pahit yang perlu kita terima tatkala merayakan 50 tahun kemerdekaan. Jepun di kelas pertama; Singapura, Korea Selatan dan Taiwan di kelas kedua; dan Malaysia bersama yang lain di kelas ketiga. Sekiranya aliran ini tidak disekat dan diterbalikkan, jarak ekonomi antara Malaysia dengan negara-negara Singapura, Korea Selatan dan Taiwan akan semakin lebar. Bahkan rantau Asia sendiri Cina muncul sebagai naga ekonomi baru dan India juga bergerak kencang terutama dalam bidang teknologi maklumat. Prasarana sederhana di Bangalore dan Chennai telah meperolehi pengisian melalui pelaburan besar jauh meninggalkan Cyberjaya dengan prasarana megah tetapi tidak bermaya. Vietnam kini bergulir sebagai kekuatan ekonomi baru memperhebat daya saing mereka.

Persoalannya sekarang adalah apa yang perlu kita lakukan untuk merobah aliran sedemikian? Ini adalah satu tuntutan patriotik setiap rakyat prihatin. Kelembapan ekonomi, dengan dasar ekonomi yang menjurus kepada beberapa projek mega, memenuhi tembolok kelompok kecil keluarga dan kroni penguasa akan tambah menekan kehidupan rakyat. Membiarkan negara terus lemah dan ekonomi laih dan lesu sehingga tertinggal landasan bererti mengkhianati amanah kepada generasi penerus. Pemimpin yang tidak mahu memikirkan persoalan ini adalah pemimpin yang mahu melihat Malaysia terus malap dalam persaingan serantau dan sedunia.

Suatu ketika dahulu Malaysia sebuah negara membangun yang dikagumi. Kita mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi pada awal 1990an. Malaysia disebut sebagai salah satu harimau ekonomi Asia Tenggara. Tetapi zaman tersebut sudah berlalu. Sebelum 1997 kadar pertumbuhan lapan peratus adalah suatu kelaziman, pasaran saham Kuala Lumpur dan pelaburan asing kekal di tahap tertinggi di rantau ASEAN. Keajaiban tersebut sudah hilang dan telah digantikan kisah-kisah kejayaan dan kekaguman dunia terhadap prestasi ekonomi China, India dan Vietnam.

Sejak lebih tiga dekad yang lalu ekonomi Malaysia bergerak di atas landasan Dasar Ekonomi Baru (DEB), satu dasar yang bertujuan untuk

menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan pengagihan kekayaan negara secara seimbang antara kaum. Justeru kerana DEB membawa satu wawasan keadilan sosial tatkala ianya digubal maka saya, ketika itu seorang mahasiswa, mendukung perlaksanaannya. Masyarakat Bumiputera ketika itu gelisah kerana keselesaan hidup yang dijanjikan tatkala negara mencapai kemerdekaan kekal sebagai slogan. Penyertaan mereka dalam sektor industri dan perdagangan amat kecil sekali. Ini dirumitkan dengan kekurangan jumlah mereka di bidang profesional. Maka tindakan tegas pemerintah untuk melaksanakan pengagihan kekayaan antara kaum dilihat sebagai langkah positif.

DEB telah menghasilkan mobiliti sosial untuk kaum Bumiputera. Paling jelas kesannya adalah dalam bidang pendidikan melalui pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar miskin dan dari luar bandar. Pelaburan pendidikan tinggi untuk Bumiputera di bawah DEB, termasuk dengan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri, dari awal 70an, 80an dan 90an bagi pelajar-pelajar Bumiputera yang cemerlang berjaya melahirkan golongan profesional.

Walaupun bagaimanapun, setelah sekian lama wawasan asal DEB untuk mencapai keadilan sosial dan memupuk semula perpaduan nasional dilupakan. Dasar itu disalahgunakan untuk memuaskan nafsu segelintir pemimpin-pemimpin Umno, keluarga, kroni dan rakan-rakan mereka dalam MCA dan MIC untuk membolot saham, kontrak dan program penswastaan. Dasar ini juga telah membuka ruang yang lebih luas kepada rasuah dan lain-lain jenayah kewangan serta penyalahgunaan kuasa. Walhal jika disenarai jumlah peruntukan dan keuntungan yang diraih oleh kelompok penguasa Umno, biasiswa sepuluh ribu ringgit seorang berbanding puluhan bilion ringgit pengagihan saham, permit impot AP, puluhan bilion kontrak bagi satu syarikat keluarga, berbilion ringgit keuntungan oleh syarikat penswastaan ternyata dasar tersebut lebih merupakan kesempatan kelompok kecil mengaut dan menggondol kekayaan yang banyak atas nama Bumiputera. Kaedah pembahagian tidak telus dan berlegar di kalangan tertentu. Yang dikira keterlaluan adalah manakala anak menteri dan jutawan turut mendapat biasiswa sementara anak guru atau petani diberi pinjaman. Permit teksi, kontrak kecil dan agensi pekerja asing pun direbut oleh keluarga pemimpin Umno yang kaya.

Salah satu bukti bahawa Umno telah lupa sama sekali dengan wawasan DEB untuk mencapai keadilan sosial adalah bagaimana mereka tidak prihatin sama sekali dengan jurang pendapatan dan kehidupan yang semakin melebar antara golongan kaya dengan golongan bawahan yang kurang bernasib baik. Pada tahun 2005, Malaysia mempunyai jurang pendapatan terbesar di Asia Tenggara, malah di belakang Indonesia dan Thailand. Mengikut ukuran koefisyen Gini, ukuran yang digunakan untuk mengukur ketidaksamaan pendapatan, Malaysia berada pada 0.47.

Menurut Bank Dunia, jurang individu yang lebih dasyat di Malaysia adalah kedua paling teruk di antara negara-negara Asia yang mempunyai data untuk kajian. Hanya Papua New Guinea lebih corot dari Malaysia. Malah, dari 127 negara yang diberikan data, Malaysia berada di nombor 101 dari segi koefisyen Gini. Selain Papua New Guinea, negara-negara yang mempunyai jurang individu yang lebih dasyat dari Malaysia terletak di Amerika Selatan dan Tengah – rantau yang sememangnya mempunyai jurang ekonomi yang besar – dan negara-negara Afrika seperti Afrika Selatan dan Zimbabwe.

Ini suatu yang amat mengejutkan, kerana negara-negara yang mencapai tahap pembangunan manusia yang tinggi biasanya memiliki jurang ekonomi yang lebih kecil. Malaysia bukan lagi ekonomi yang baru atau negara dunia ketiga dari segi pembangunan: di dalam laporan Pembangunan Manusia Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), Malaysia tersenarai di nombor 59 dari 177 negara. Di Asia hanya Jepun, Korea Selatan dan Singapura yang tersenarai di tempat yang lebih tinggi. Malah dengan mata indeks pembangunan manusia sebanyak 0.793, Malaysia sudah teramat hampir dengan 0.800 mata untuk dikategorikan sebagai negara sangat maju. Malaysia antara negara dengan pembangunan manusia yang tinggi tetapi ketidaksamaan ekonomi yang cukup besar.

Perbezaan kawasan bandar dan luar bandar juga cukup ketara, yang tidak diselesaikan oleh tindakan afirmatif. Pada tahun 1999, pendapatan isirumah luar bandar hanya 55% dari pendapatan isirumah di bandar, dan kebanyakan keluarga miskin di luar bandar terletak di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis yang majoriti besarnya Melayu.

Pada masa yang sama kemiskinan juga tidak diselesaikan. Meskipun pentadbiran baru dan lama telah mendabik dada bahawa kadar kemiskinan telah turun dari 29% pada 1980 kepada 5-6% pada tahun 2000, kadar pendapatan untuk mengukur garis kemiskinan juga terlalu rendah. Kos sara hidup telah meningkat secara berterusan dan kadar pendapatan RM510 yang diguna untuk mengukur kemiskinan di pantai barat Semenanjung Malaysia langsung tidak realistik.

Sementara masyarakat Bumiputera dibelai dengan propaganda dasar yang akan menyelamatkan mereka, tidak terdapat wacana terbuka mengenai kesan atau relevannya dasar tersebut, atau apakah mungkin dihimbau dasar yang lebih menguntungkan Bumiputera dan rakyat keseluruhannya? Pokoknya dasar serta kebijakan ekonomi harus adil dan menjurus kepada kesejahteraan rakyat. Apa yang dimusykilkan ialah kerana sementara masyarakat Bumiputera terus menggantungkan harapan kepada satu dasar yang dianggap penyelamat, berpuluh bilion ringgit dirompak di hadapan mata. Masyarakat bukan Bumiputera sebaliknya resah gelisah dan gusar merenungkan anak pintar dinafikan peluang pendidikan di universiti tempatan, kontrak dikaut oleh kelompok kecil dan pemacuan ekonomi keseluruhannya agak lembab. Dan amat malang sekali setelah setengah abad merdeka, rakyat masih tidak didedahkan dengan fakta dan wacana mauduk dasar ekonomi seperti ini terus dianggap sensitif.

Pentadbiran Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi mendapat mandat berasaskan janji ketelusan dan akauntabiliti. Namun begitu, janji tersebut tidak bermakna tanpa sebarang tindakan. Dasar-dasar negara harus disesuaikan dengan keadaan semasa dan tuntutan zaman. Namun kita meneruskan dasar tutup pintu yang memandang ke belakang yang mempertahankan budaya lama yang tidak menekankan kecemerlangan dan keterbukaan. Sistem tender yang berasaskan tindakan afirmatif dan bukannya kebolehan, melahirkan suasana tidak berdayasaing untuk perniagaan dan membuka ruang kepada rasuah, yang kini berleluasa di setiap peringkat masyarakat.

Nyata sekali rasuah di Malaysia telah menjadi lebih parah lagi ketika kita semakin dekat dengan tahun 2020. Malaysia jatuh lima tangga kepada tempat ke 44 antara 163 negara di dalam Indeks Persepsi Rasuah Transparency International 2006, dengan memperoleh lima dari 10 mata ber-

banding 5.1 mata tahun sebelumnya. 10 mata menggambarkan ekonomi yang bersih dan satu mata merujuk negara yang sangat rasuah. Malaysia tersenarai di nombor 10 dari 25 ekonomi di rantau Asia Pasifik. Singapura, Hong Kong dan Jepun mendahului senarai Asia Pasifik sebagai negara paling rendah kadar rasuah, sementara Myanmar berada di tempat paling corot. Malaysia masih lagi di hadapan China, India, Indonesia, Thailand dan Pakistan.

Meskipun wujud beberapa kelemahan di dalam metodologi kajian tersebut, misalnya mendapatkan markah Indeks Persepsi Rasuah Malaysia dari indikator rasuah sembilan badan berasingan sedangkan sesetengah negara lain berasaskan kajian yang lebih sedikit, secara umumnya kita tidak boleh menganggap markah tersebut tidak tepat memandangkan kegagalan langkah-langkah yang diwarwarkan kerajaan untuk menentang rasuah, termasuk menubuhkan Insititut Integriti Malaysia, Akademi BPR dan Pelan Integriti Nasional.

Untuk meningkatkan keyakinan pelabur, kita seharusnya memperbaiki persepsi mereka, misalnya dengan menjadikan BPR lebih bebas dan berkesan. Persepsi menggambarkan realiti, dan imej Malaysia yang rasuah diperkuatkan di dalam kajiselidik tahunan 1,476 ahli perniagaan di 13 negara di seluruh rantau Asia Pasifik oleh Political and Economic Risk Consultancy (PERC) yang beribu pejabat di Hong Kong. Malaysia tersenarai di nombor tujuh dengan markah 6.25, dengan 10 untuk paling teruk dan kosong paling baik,

TABLE 2

MIDDLE-OF-THE-ROAD-MALAYSIA : FOLLOWING ARE RESULTS FROM PERC'S SURVEY ON CORRUPTION IN ASIA, BASED ON A 0-10 SCALE IN WHICH ZERO IS BEST AND 10 WORST:

	2007	2006
THE PHILIPPINES	9.40	7.80
THAILAND	8.03	7.64
INDONESIA	8.03	8.16
VIETNAM	7.54	7.91
INDIA	6.67	6.76
SOUTH KOREA	6.30	5.44
CHINA	6.29	7.58
MALAYSIA	6.25	6.13
TAIWAN	6.23	5.91
MACAU	5.11	4.78
JAPAN	2.10	3.01
HONG KONG	1.87	3.13
SINGAPORE	1.20	1.30

lebih teruk dari 2006 apabila Malaysia mendapat 6.13 mata (Jadual 2)

Rasuah mempunyai kesan yang mendalam terhadap negara, kerana ia meningkatkan kos dan menyukarkan proses-proses kerajaan. Ekonomi yang dibelenggu rasuah ialah ekonomi yang berisiko tinggi bagi pelabur-pelabur yang mencari suasana yang terbuka, bertanggungjawab dan selamat. Kini kita menyaksikan bukan tender yang paling rendah kosnya dan paling efisien yang memenangi kontrak kerajaan atau infrastruktur di dalam persekitaran ekonomi terbuka, tetapi golongan yang paling rapat dan dekat dengan pemerintah dengan kesanggupan mengeluarkan duit kopi mendapat kontrak tersebut. Pada masa yang sama, pasaran modal kita juga telah kehilangan beberapa syarikat tempatan dari disenaraikan di Bursa Malaysia dan memilih pasaran saham luar agar tidak terikat dengan syarat-syarat yang terlalu ketat. Faktor yang sama juga menghalang pasaran modal kita dari menarik syarikat luar untuk disenaraikan di Malaysia.

Tidak dinafikan, beberapa langkah yang diperkenalkan sejeurus selepas krisis matawang Asia perlu untuk menyelamatkan ekonomi nasional kita. Namun, dasar-dasar tersebut seharusnya menerima realiti bahawa cara terbaik menghadapi arus globalisasi ialah bukan dengan menutup ekonomi kita, tetapi dengan menanganinya secara terbuka dan berhemah.

Malangnya kita memilih melaksanakan dasar-dasar tertutup dan jumud yang telah merugikan negara kita. Pada tahun 1997, sejeurus sebelum krisis, Bursa Malaysia tersenarai sebagai yang tertinggi di Asia Tenggara dan nombor 15 di dunia. Tetapi pada tahun 2003, pasaran saham kita lebih rendah dari Singapura dan Thailand, berasaskan data Persekutuan Bursa Saham Sedunia. Kita juga kehilangan daya saing, khususnya dari segi menarik pelaburan asing. Pelaburan asing di Malaysia merudum ke RM14.69 billion tahun lepas dari RM17.09 billion pada tahun 2004, berdasarkan statistik yang dikeluarkan Persidangan Perdagangan dan Pembangunan PBB di dalam Laporan Pelaburan Dunia 2006. Malaysia tersenarai hanya di nombor 6 dari sepuluh negara Asia Tenggara di dalam menarik pelaburan asing tahun lepas, berbanding beberapa tahun lalu di mana kita berada di tempat kedua. Secara keseluruhannya, pelaburan asing ke Asia Selatan, Timur dan Tenggara melonjak ke RM610.5 billion tahun lepas, meningkat 19% dari 2004. China, Hong Kong dan Singapura merupakan

penerima terbesar pelaburan asing pada 2005. Sekali lagi, kita ketinggalan berbanding Indonesia di dalam pelaburan asing buat pertama kali sejak 1990. Aliran wang masuk ke Indonesia meningkat sebanyak 177% ke RM19.46 billion tahun lepas.

Antara sebab kemerosotan pelaburan asing ialah hakikat bahawa negara lain semakin telus dan menawarkan kesenangan berniaga. Misalnya, ia memerlukan 450 hari dan 31 prosedur untuk menguatkuasakan kontrak di Malaysia,

sedangkan hanya 120 hari dan 29 prosedur perlu di Singapura (lihat Jadual 3). Untuk pelabur, pilihan mereka jelas sekali.

TABLE 3 *Source: The World Bank Group 2005*

EASE OF DOING BUSINESS

Country	Days	Procedures	Cost
Singapore	120	29	14.6%
United States	300	17	7.7%
MALAYSIA	450	31	21.3%
Bangladesh	1,442	50	45.7%

Kegagalan-kegagalan lain yang telah sama ada dilupakan atau dijenamakan semula termasuklah Dasar Pandang Ke Timur, yang digubal untuk membangunkan perindustrian berat dan sebagai jalan pintas untuk memajukan ekonomi Bumiputera, dan dasar penswastaan yang kontroversi. Secara umumnya, usaha kita membangunkan industri berat tidak membawa banyak faedah untuk negara. PROTON misalnya kini merupakan jenama yang menghadapi banyak cabaran dan terpaksa mengharapakan pakatan strategik untuk terus bersaing di dalam industri dunia yang kompetitif. PERWAJA merupakan satu kerugian besar dengan liabiliti mencecah RM13 billion di dalam kes rasuah dan skandal politik yang jelas. Lebih dasyat lagi, PETRONAS dibuat seperti harta peribadi yang boleh digunakan sesuka hati untuk menyelematkan projek-projek tertentu. PETRONAS sebagai khazanah bangsa kita bersama seharusnya dikawal rapi dengan menjadikannya bertanggungjawab kepada Parlimen bagi memulihara kekayaan minyak kita untuk generasi akan datang.

Tambah menyedihkan lagi, pemindahan teknologi yang dikatakan motif utama dasar pandang ke timur dan bekerjasama dengan negara maju

tidak dijalankan secara berkesan. Dasar Pandang Ke Timur – dan kemudiannya usaha membina ekonomi pengetahuan menerusi Koridor Raya Multimedia (MSC) – tidak melahirkan budaya kajiselidik dan pembangunan teknologi yang gemilang. Sehingga hari ini, Malaysia kekal sebagai pengguna idea-idea luar meskipun membelanjakan berbilion-bilion ringgit untuk industri berat dan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT). Di sebalik gambaran indah terhadap MSC, Malaysia kekal sebagai antara negara paling berat sebelah di dalam memberikan rakyatnya peluang yang sama rata dan akses kepada ICT. Majalah the Economist menyebut bahawa Malaysia memberi gambaran negara mundur di dalam akses yang diberikan kepada rakyat untuk ICT berbanding Singapura, Taiwan dan Korea Selatan.

Di samping itu, dasar penswastaaan yang digembar-gemburkan telah gagal memberikan hasil yang dijangka. Kita mesti mengubah dasar kita dari penswastaaan yang tidak diuruskan dengan baik kepada pengurusan awam yang efisien dan telus untuk sektor-sektor penting seperti perubatan dan pengangkutan. Mengapakan rakyat Malaysia perlu menanggung cukai yang tinggi berserta penswastaaan yang tidak sempurna? Motif dan hasil penswastaaan perlu dikaji semula agar pengguna tidak dibebankan. Selama ini, penswastaaan telah menjadi alat memperkayakan kroni-kroni pemerintah, tetapi membebankan rakyat.

Contoh terbaik ialah penjanaan elektrik, di mana bayaran kapasiti tinggi penjana tenaga bebas (IPP) telah menyumbang kepada kos yang tinggi yang ditanggung Tenaga Nasional Berhad. Hasilnya, kos yang tinggi ini sebahagiannya dipindahkan kepada pengguna di dalam bentuk kenaikan tarif elektrik. Yang lebih memeranjatkan, IPP ini telah menerima bahanapi yang disubsidikan oleh PETRONAS sehingga mencapai berbilion-bilion ringgit. Ini semua sumber negara kita, yang dimiliki rakyat Malaysia secara bersama dan boleh digunakan untuk perkara-perkara lain, misalnya menaiktaraf sistem pendidikan negara kita. Pada masa yang sama, pembinaan lebuh raya bertol seperti PLUS menguntungkan pemegang saham mereka, tetapi menjadikan pengangkutan kita sukar dan mahal untuk rakyat Malaysia biasa, dan pada masa yang sama membantut pembangunan sistem pengangkutan awam alternatif yang lebih mesra alam. Di samping itu, menekankan pembinaan hospital swasta telah menyalurkan sumber dari kerajaan untuk menaiktaraf sistem kesihatan awam dan me-

tingkatkan kos perubatan dan insurans.

Agenda Ekonomi Malaysia

Apakah pilihan lain yang ada? Jawapannya, saya yakin, terletak pada keberanian kita menggantikan dasar-dasar lama dengan agenda ekonomi baru yang mengatasi kepincangan yang sedia ada dan menghadapi cabaran globalisasi. Sememangnya penting untuk kita mengakui kekuatan dan kelemahan kita yang sedia ada, dan pada masa yang sama memahami bahawa strategi ekonomi era pengetahuan yang didominasi kebebasan pengetahuan dan modal intelek.

Juga penting bagi kita bergerak ke hadapan, untuk tidak bergantung kepada kejayaan masa lampau dan berani untuk mengakui bagaimana kita ketinggalan berbanding negara-negara serantau seperti Singapura, Taiwan dan Korea, yang berkongsi sejarah pembangunan yang selari dengan kita. Memandangkan di dalam ukuran pembangunan insan UNDP, termasuk di bidang pendidikan, kesihatan dan pembasmian kemiskinan yang relatif lebih baik dari negara-negara afrika umpamanya, kita harus lebih yakin mengorak langkah memperkenalkan dasar dan kebijakan ekonomi yang dapat mengangkat martabat dan harakat bangsa. Kita kaitkan pembangunan insan seutuhnya kerana menyedari bahwa konsep pembangunan dan ekonomi tidak harus dilihat secara sempit, terpisah dari isu etika dan keadilan. Dan sapertimana dihujah oleh ramai pemikir, bencana dan kecundangnya ekonomi banyak bergantung kepada kedegilan memerangkap diri pada satu dasar usang, pembaziran dan rasuah, sikap gelojoh dan tamak haloba.

Faham Islam dan ajaran agama lain dalam masyarakat Malaysia harus dikembangkan untuk menjana kekuatan baru berlandaskan prinsip akhlak dan etika. Prinsip keadilan dipupuk, nasib rakyat miskin dan terpinggir dibela, ketidakadilan dan diskriminasi di sanggah. Ciri-ciri kebejatan ekonomi dan sosial yang merosak dan menggugat keutuhan sistem ekonomi dan sosial, terutamanya rasuah dan penyalahgunaan kuasa, mebelai kelompok kecil keluarga, kroni dan golongan kaya serta meminggirkan majoriti rakyat mesti ditolak.

Tiada gunanya kita mendabik dada menjadi yang terbaik di kalangan

negara-negara yang gagal, sebaliknya kita sepatutnya berusaha menjadi yang terbaik di kalangan negara-negara yang sama taraf dengan kita.

Sebelum kegawatan ekonomi Asia, kita berbangga dianggap sebahagian dari keajaiban Asia, mengejar negara-negara seperti Singapura, Taiwan dan Korea Selatan. Sedang negara-negara tersebut kini sudah menapak menjadi negara-negara maju, dan kita terpaksa bersaing dengan Thailand pula. Singapura, khususnya, adalah saingan kita yang paling dekat dengan sejarah yang berkait rapat dengan kita, telah melangkah jauh ke hadapan kita meskipun tidak dianugerah hasil mahsul yang kaya.



Kita harus berfikir terbuka untuk melihat bagaimana kita telah gagal di dalam dua aspek: pendidikan dan Keluaran Negara Kasar (KNK) per kapita. Universiti Kebangsaan Singapura (NUS) yang lahir dari Universiti Malaya tersenarai di antara 20 universiti terbaik dunia dan 3 universiti terbaik Asia di dalam Senarai Times Higher Education 2006, bersama-sama Universiti Beijing dan Tokyo. Tetapi Universiti Malaya yang pernah menjadi kebanggaan kita, jatuh dari nombor 89 pada 2004, kepada 169 pada tahun 2005 dan 192 tahun lepas; dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berada di tempat 185 pada 2006. IPTA-IPTA lain gagal untuk disenaraikan

langsung.

Kita juga ditinggalkan dari aspek pendapatan per kapita, ukuran kekayaan dan kemajuan sesebuah negara. Singapura telah membangunkan KNK per kapitanya daripada kurang dari AS\$5000 pada tahun 1970 kepada AS\$20000 pada 2004, mengatasi Taiwan dan Korea Selatan. Pada masa yang sama KNK per kapita Malaysia, kurang dari AS\$10000 pada 2004 disebalik komitmen untuk meningkatkan pendapatan kita secara saksama (rujuk Jadual 1).

Kehilangan daya saing dan kejumudan pemikiran kita amat menakutkan, tetapi jawapannya jelas, hanya apabila kita melangkaui retorik perkauman kita dan keinginan pemerintah untuk mempertahankan kepentingan mereka. Lebih penting lagi, kita perlu kembali kepada pengorbanan pejuang kemerdekaan kita, yang bersama-sama mengimpikan sebuah negara yang harmoni, di mana kekuatannya terletak di atas masyarakat yang majmuk dan sifat tolak ansur. Oleh itu, kita perlu agenda ekonomi yang baru yang relevan dan adil untuk memenuhi apa yang benar-benar diinginkan semua rakyat Malaysia.

Saya yakin kaum Bumiputera bersedia dengan agenda baru ini, kerana agenda ini akan tetap berpaksikan tindakan afirmatif bagi membantu kejayaan mereka. Bantuan pendidikan, perniagaan dan pekerjaan perlu ditekankan untuk semua golongan miskin dan terpinggir, kerana tidak mungkin dipertahankan sistem bobrok yang tidak memperdulikan nasib rakyat miskin terutama di kalangan Bumiputera. Kebimbangan kononnya Agenda Ekonomi Malaysia akan mengenenpikan hak masyarakat Bumiputera dari segi biasiswa dan bantuan pendidikan, peluang perniagaan dan sebagainya, sengaja dicanang oleh pemimpin kaya bukannya untuk membela nasib rakyat terbanyak - pekerja, petani dan nelayan - tetapi buat mempetahankan kontrak, saham, AP dan lesen mereka.

Sekiranya rasuah dibanteras dengan berkesan, peruntukan diagih secara adil dan telus, sumber yang akan disebarikan pasti akan lebih lagi dari segi jumlah dan keberkesanannya. Namun yang nyata berbeza dari pendekatan sekarang ialah keprihatinan menyeluruh kepada semua rakyat, sama ada penoreh getah berbangsa India, penjaja kecil berbangsa Cina atau pesawah padi berbangsa Melayu – semuanya yang inginkan kehidupan

yang lebih baik dan senang untuk anak-anak mereka akan mendapat ganjaran dan hak mereka. Perlu wujud proses yang lebih baik untuk menyalurkan bantuan bagi memastikan peruntukan yang ada sampai kepada golongan yang memerlukan dan bukannya golongan elit yang tidak memerlukan bantuan kerajaan.

Kita perlu memilih kerajaan yang lebih cekap, berwibawa dan bertanggungjawab, yang mana kesetiaan kepada parti politik tidak sepenting amanah dan komitmen mereka kepada rakyat. Amat penting untuk menyalurkan sumber kerajaan yang terhad agar memberi nilai kepada warga Malaysia, dan bukannya membebaskan mereka dengan kos-kos yang lebih tinggi, sedangkan mutu kehidupan mereka merosot, dan menjadikan jentera kerajaan telus dan bertanggungjawab.

Memandangkan penswastaan tidak membawa kepada persaingan yang sihat dan perkhidmatan yang lebih baik, proses ini perlu dirombak semula. Pihak penggubal dasar kewangan perlu dibebaskan dengan iltizam untuk memegang amanah rakyat, disiplin kewangan yang tegas dan indeks pencapaian bagi mengukur keberkesanan penggunaan sumber negara. Lebih penting lagi, sistem yang telus akan membebaskan lebih banyak sumber yang akan dapat digunakan untuk menjana ekonomi yang lebih berdayamaju dengan menekankan modal insan, khususnya melabur di dalam pendidikan berkualiti untuk semua rakyat Malaysia – Melayu, Cina, Kadazan, Iban dan India – yang akan dapat meningkatkan mutu kehidupan mereka. Pada masa yang sama, sumber-sumber ini dapat disalurkan untuk meningkatkan sektor-sektor penting lain khususnya sistem kesihatan awam, perumahan berkualiti dan sektor pertanian yang sihat.

Dasar tutup pintu harus digantikan dengan penerimaan kepada realiti globalisasi. Kita perlu membuang mentaliti pergantungan dengan digantikan dengan fokus kepada keterbukaan dan daya saing. Sebagai antara ekonomi paling terbuka di dunia, kita tidak boleh menafikan bahawa kita perlu pelaburan asing. Tetapi kita perlu menggunakannya untuk pembangunan ekonomi negara dan kemajuan rakyat. Kita perlu memperbaharui dayasaing kita untuk membawa pelabur asing kembali ke negara kita, khususnya di sektor-sektor tambah-nilai yang tinggi. Kita perlu menyemak dan merombak kerangka dasar yang ada, institusi, prosedur dan proses yang menghalang pelaburan asing untuk membangunkan ekonomi. Tetapi kita

harus kekalkan hak dan kebebasan kita menentukan keutamaan kerangka dasar negara, menggalak industri dan teknologi maklumat dan menjamin penghasilan pertanian yang mencukupi. (rajah daya saing - tempuh kelulusan)

Perubahan bukannya mudah, tetapi ia perlu bagi memastikan Malaysia berjaya memenuhi impian keadilan, kebebasan, kesaksamaan dan persaudaraan yang diwarwarkan oleh pejuang-pejuang kemerdekaan kita.